



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 17 JUN 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MOA SIASAT PUNCA HARGA AYAM NAIK MENDADAK, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	AGRICULTURE MINISTER: TERENGGANU CONSUMERS COMPLAIN OVER INCREASING PRICE OF CHICKEN, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14a	
3.	MOA SASAR PENYERTAAN 800 KOMUNITI, NASIONAL, SH -16	
4.	RAKYAT DIGALAK CEBURI PERTANIAN BANDAR, SH -ONLINE	
5.	SASAR 12,000 CEBURI PERTANIAN BANDAR, NASIONAL, BH -15	
6.	PERLUAS TEKNIK CANTUMAN POKOK, SINAR NEGERI KELANTAN/TERENGGANU, SH -21	
7.	LEBIH RAMAI DISASAR CEBURI PERTANIAN BANDAR, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -20	
8.	PENJANA: MOA EXPECTS MORE PARTICIPATION IN URBAN FARMING, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -13	
9.	COMMUNITY FARM THRIVING, NEWS/NATION, NST -4	
10.	CABINET COMMITTEE ON FOOD SECURITY TO MEET NEXT MONTH, NST -ONLINE	
11.	OURFARM HAPUS ORANG TENGAH, BISNES SINAR, SH -25	
12.	'ENSURE PERLIS HARUMANIS INDUSTRY STAYS VIBRANT', NEWS IN BRIEF, NST -9	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
13.	ALGA 'SERANG' PERAIRAN PANTAI REMIS, LOKAL, HM -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	TERUS TINGKAT EKONOMI PELADANG, NASIONAL, SH -13	LEMBAGA PERTUBUHAN PELDANG (LPP)
15.	MILIKI 13 NURSERI ANAK BENIH, NASIONAL, SH -13	
16.	JUAL KAMBING BUAT MODAL AYAM ORGANIK, LOKAL, HM -19	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
17.	SI GEMBO BAWA TUAH, LOKAL, HM -19	LAIN-LAIN
18.	AIR ASIA CADANG TAMBAH LEBIH BANYAK PENERBANGAN, BISNES, HM -20	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

MOA siasat punca harga ayam naik mendadak



Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) akan menyiasat punca berlakunya kenaikan mendadak harga ayam yang dikatakan mencecah lebih RM10 sekilogram ketika ini.

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) akan menyiasat punca berlakunya kenaikan mendadak harga ayam yang dikatakan mencecah lebih RM10 sekilogram ketika ini.

Menyerahnya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, perkara itu tidak sepautnya berlaku kerana negara secara asasnya berdepan dengan lambakan bekalan makanan termasuklah ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

"Bekalan kita tiada masalah (sepautnya), walaupun PKP awal dahulu kita sudah mempunyai banyak produk pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya.

"Berbeza dengan tanggapan bahawa kita akan kekurangan makanan tapi sebenarnya kita menguruskan lebihan (bekalan makanan)," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan Walkabout Program Pertanian Bandar Komuniti Perumahan Awam Seri Perlis 2 di Datuk Keramat di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada kenaikan harga ayam yang mendadak mempunyai kaitan dengan kekurangan bekalan ayam tempatan.

Terdahulu, Sinar Harian semalam melaporkan kenaikan mendadak harga ayam sehingga melebihi RM10.50 sekilogram di Terengganu memberi tekanan kepada pengguna di negeri itu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid dilaporkan berkata, pihaknya prihatin dengan keadaan itu dan meminta supaya pengguna turut peka dengan situasi terbabit.

Headline	Agriculture minister: Terengganu consumers complain over increasing price of chicken		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	17 Jun 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	338 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,790
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,370



登嘉楼消费者投诉鸡价涨 农长：供应没问题查起因

（吉隆坡 16日讯）登嘉楼消费者投诉鸡只涨价，农业及食品工业部部长拿督斯里罗南建迪表示，需要先调查起因，但目前鸡只供应没有出现问题。

根据早前政府于今年5月20日至6月3日实施的佳节统制品清单，标准鸡只的零售均价为每公斤7令吉60仙。不过，统制品管制结束后，昨日有报道指出，登嘉楼的鸡只价格已经涨至每公斤10令吉50仙。

罗南建迪指出，涨价课题是属于贸易消费部管辖，对于当中是否涉及供应不足的问题，则需要进一步调查。

“涨价的因素有很多，但是目前的供应是没有问题的。例如，早前行管令期间的蔬果供应还出现过剩情况。”

他是在巡视第二斯里玻璃市公共住宅社区执行的城市农耕计划后，被媒体询及该课题时，如是回应。

国家粮食安全政策拟定中

此外，罗南建迪指出，国家粮食安全政策还在拟定中。

“由于这涉及内阁委员会，包括各部门和部长等，所以我的部门也会先进行各项咨询，这些都会在本月进行，而内阁委员会也会在7月召开会议。”

他也强调，政府会从各角度看待国家粮食安全课题，而不只是粮食供应课题上。

发展城市农耕计划 预料800社区受惠

另外，他指出，早前首相丹斯里慕尤丁宣布，拨出1000万令吉拨款来发展城市农耕计划，预料可以让800社区会受惠以及吸引1万2000人参与。

他也希望，在第二斯里玻璃市公共住宅社区执行城市农耕的成功例子，可以鼓励更多人参与这项农耕计划。

他说，第二斯里玻璃市公共住宅社区种植的农作物不仅自供自用，还成功在农业市集出售，每周赚取500至600令吉的收入。

“因此，希望通过这笔拨款可以鼓励更多社区和个人参与。”他说，该计划只在联邦直辖区落实，但是他也希望通过今次的拨款，可以让更多郊区的受惠。

此外，他也鼓励年轻人积极参与“青年农业企业家计划”，以申请最高2万令吉的奖掖，趁机参与农耕。



罗南建迪（左1）亲身体验城市农耕乐趣。

MOA sasar penyertaan 800 komuniti

Babitkan 12,000 individu untuk terlibat dalam Program Pertanian Bandar tahun ini

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) menyasarkan 800 komuniti membabitkan kira-kira 12,000 individu akan terlibat dalam Program Pertanian Bandar pada tahun ini. Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, saranan itu dibuat berdasarkan peruntukan khusus RM10 juta melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) untuk projek tersebut.

“Kita harap peruntukan yang diberi kerajaan melalui

Projek Pertanian Bandar Komuniti Perumahan Awam Seri Perlis 2, Mohamad Ali Abdulrahman berkata, penyertaan dalam program tersebut bukan sahaja memberi peluang kepada peserta menambah pendapatan tetapi juga secara tidak langsung mengerakkan hubungan antara penduduk di kawasan tersebut.

“Alhamdulillah melalui program yang disertai ini sedikit sebanyak telah memberi pendapatan tambahan kepada kami yang terlibat dalam program ini,” katanya.

Dalam pada itu, seorang peserta yang ditemui, Hamidah Ibrahim berkata, meskipun berdepan cabaran seperti tanaman mati dan tidak subur pada peringkat permulaan namun beliau tidak pernah putus asa untuk mengusahakan pertanian.

Malah menurutnya, lebih manis lagi, hasil usaha hampir enam tahun lalu turut membantu perbelanjaan dirinya ketika menuaikan umrah akhir tahun lalu.



Ronald (tengah)
turun padang
melihat hasil
pertanian yang
diusahakan
Komuniti
Perumahan
Awam Seri
Perlis 2 di Batuk
Keramat
semalam.

Menurutnya, sejak program itu diperkenalkan pada tahun 2014, seramai 124,988 individu di 5,065 lokasi di seluruh negara telah terlibat sejak itu.

Katanya, pelaksanaan projek pertanian bandar tersebut telah membantu mengurangkan kos sara hidup, memberi peluang pekerjaan dan menjana pendapatan tambahan bagi penduduk di bandar dan pinggir bandar.

Sementara itu, Pengurus

ti benih, baja, peralatan, khidmat nasihat dan sebagainya dengan nilai RM500 bagi individu manakala RM50,000 bagi komuniti,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan Walkabout Program Pertanian Bandar Komuniti Perumahan Awam Seri Perlis 2 di Dantuk Keramat di sini semalam.

Turut hadir, Kena Pengarah Pertanian, Mohd Nasir Warris.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Rakyat digalak ceburi pertanian bandar



Dr Ronald Kiandee ketika hadir pada tinjauan mesra Projek Pertanian Bandar Komuniti Perumahan Awam Seri Perlis 2 Keramat hari ini.

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyasarkan peruntukan RM10 juta di bawah Paket Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) akan memanfaatkan 800 komuniti dan 12,000 penyertaan individu baharu dalam program pertanian bandar.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kementerian akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak berkaitan untuk mengerakkan lebih ramai menyertai program itu.

Beliau berkata, golongan B40 terutama di Projek Perumahan Rakyat (PPR) digalakkan menyertai program itu secara berkumpulan dengan mengusahakan tanaman jangka pendek terutama sayur-sayuran.

"Saya berharap kejayaan yang dicapai Komuniti Perumahan Awam Perlis 2, Kampung Datuk Keramat ini akan menjadi pendorong kepada komuniti lain untuk menceburi perusahaan tanaman sayuran secara kecil-kecilan...bukan sahaja untuk kegunaan sendiri tapi juga untuk dijual di pasar," katanya.

Kiandee berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau projek pertanian bandar di Perumahan Awam Seri Perlis 2 di sini hari ini.

Beliau turut menyampaikan bantuan RM50,000 di bawah Penjana serta sumbangan sarang kelulut daripada Jabatan Pertanian bagi komuniti itu.

Melalui Penjana, kerajaan menawarkan paket sumbangan barang dalam bentuk bantuan input pertanian seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada individu dengan nilai RM500 (maksimum) dan RM50,000 (maksimum) bagi setiap komuniti.

Sejak 2014 sehingga kini, seramai 124,988 orang termasuk dari sekolah, institusi, individu dan komuniti di 5,065 lokasi seluruh negara telah terlibat dalam program pertanian bandar.

Seorang daripada peserta program itu, Hamidah Ibrahim, 69, yang mengusahakan tanaman bayam brazil dan pegaga berkata, pada mulanya dia mengeluarkan modal sendiri dan terpaksa berdepan dengan risiko penyakit menyebabkan ada tanaman yang tidak menjadi.

"Namun selepas mendapat bimbingan daripada Jabatan Pertanian, hasil tanaman telah menampakkan kejayaan dan telah dapat digunakan komuniti serta juga dijual di pasar sekali gus dapat menjimatkan perbelanjaan barang dapur," katanya.- Bernama

Sasar 12,000 ceburi pertanian bandar

nald Kiandee, berkata kerentenan akan bekerjasama dengan pihak berkemasa tempatan (PBT) dan pihak berkaitan untuk menggarakkan untuk meningkatkan ramai menyertai program itu.

Beliau berkata, golongan B40, terutama di Projek Perumahan Rakyat (PPR) digalakkan menyertai program itu secara berkuarpulan dengan mengusahakan tanaman jangka pendek, terutama sayur-sayuran.

“Saya berharap kejayaan dicapai Komuniti Perumahan Awam Perlis 2, Kampung Datuk Keramat ini akan menjadi pendorong kepada komuniti lain untuk menceburi perusahaan tanaman sayuran se-

Kementerian sedia peruntukan RM10 juta jaya program

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyasarkan peruntukan RM10 juta menerusi Paket Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) akan memanfaatkan 800 komuniti dan 12,000 penyertaan individu baharu dalam program pertanian bandar.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ro-



Kiandee (kanan) ketika lawatan ke program projek pertanian bandar di Perumahan Awam Seri Perlis 2, Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

ngusahakan tanaman bayam Brasil dan pegaga, berkata pada mulanya dia mengeluarkan modal sendiri dan terpaksa berdepan risiko penyakit menyebabkan ada tanaman yang tidak menjadi.

“Namun selepas mendapat bimbingan daripada Jabatan Pertanian, hasil tanaman menampakkan kejayaan dan dapat digunakan komuniti serta dijual di pasar, sekali gus dapat menjimatkan perbelanjaan barang dapur,” katanya.

input pertanian seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada individu dengan nilai RM500 (maksimum) dan RM50,000 (maksimum) bagi setiap komuniti.

Sejak 2014 sehingga kini, 124,988 orang termasuk dari sekolah, institusi, individu dan komuniti di 5,065 lokasi seluruh negara terabit program pertanian bandar.

Seorang peserta program, Hamidah Ibrahim, 69, yang me-

carai kecil-kecilan, bukan sahaja untuk kegunaan sendiri tetapi juga untuk dijual di pasar,” katanya selepas meninjau projek pertanian bandar di Perumahan Awam Seri Perlis 2 di sini, semalam.

Beliau turut menyampaikan bantuan RM50,000 menerusi PENJANA dan sumbangan sarang kelulut daripada Jabatan Pertanian bagi komuniti itu.

Menerusi PENJANA, kerajaan menawarkan paket sumbangan barang dalam bentuk bantuan

17/6/2020 SINAR SUNAR NEGERI 21
 HARIAN KELANTAN/ TERENGGANU

Perluas teknik cantuman pokok

MOA galakkan kumpulan bukan petani tanam mangga, nanas

Oleh ROSMIZA KASIM

TUMPAT



Che Abdullah (kanan) turut menunjukkan kebolehan membuat teknik cantuman tanaman mangga di Tumpat semalam.

beri tumpuan khas menurusi pemberian geran kepada kumpulan pengusaha yang membuat penanaman berskala besar, kementerian turut memberi galakan dan perkongsian ilmu untuk bukan petani.

“Dengan bantuan Jabatan Pertanian Kelantan dan Lembaga Perindustrian Nanas Kelantan, hari ini orang ramai

dan beberapa kakitangan awam diberikan pendedahan mengenai kaedah cantuman tanaman mangga dan belahan tunas nanas.

“Perkongsian teknik menghasilkan benih tanaman terbaik secara santai ini, saya lihat sangat berkesan kerana terdapat ilmu yang nampak remeh tetapi sebenarnya menjadi

faktor kepada tidak berkembangnya sektor pertanian,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Kursus dan Hands on Cantuman Tanaman Mangga serta Belahan Jambul Nanas di Abe Residence di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri Wakaf Bharu, Rusli Abdullah dan Penolong Ehwal Ekonomi Lembaga Perindustrian Lembaga Nanas Kelantan, Firdaus Ibrahim.

Taklimat cantuman tanaman mangga dikendalikan Penolong Pegawai Pertanian Bahagian Industri Tanaman Jabatan Pertanian Kelantan, Mansor Ab Latif@Setra manakala untuk belahan jambul nanas disempurnakan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman Jabatan Pertanian negeri, Azuan Abdullah.

Sementara itu, peserta yang juga pekerja swasta, Ab-

dul Azid Mamat berkata, tidak rugi dia menyertai kursus anjuran MOA ini.

Katanya, walaupun tanaman mangga dan nanas nampak mudah namun banyak teknik yang perlu diguna pakai untuk hasil yang baik.

“Macam tanaman nanas, saya tidak tahu asas semai yang memerlukan ia ditanam condong 45 derajah bagi mengelak daripada rosak.

“Sama juga dengan teknik semai benih, yang saya tanam disemai bersama dengan akar, namun teknik sebenarnya potong bahagian bawah jambul sehingga menampakkannya seluruh semai,” katanya.

Seorang lagi peserta, Kamaruzaman Mat Nawi, 66, berkata, pengajaran teknik semai nanas itu sangat bermafaat kerana harga benih tersebut semakin mahal.

“Kini saya boleh menyemai benih dengan sendiri dan ia menjimatkan,” katanya.

Headline	Lebih ramai disasar ceburi pertanian bandar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Jun 2020	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	20	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	217 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,022
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,066



Lebih ramai disasar ceburi pertanian bandar

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyasarkan peruntukan RM10 juta di bawah Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) akan memanfaatkan 800 komuniti dan 12,000 penyertaan individu baharu dalam program pertanian bandar.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kementerian akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak berkaitan untuk mengerakkan lebih ramai menyertai program itu.

Beliau berkata, golongan B40 terutama di Projek Perumahan Rakyat (PPR) digalak-

kan menyertai program itu secara berkumpulan dengan mengusahakan tanaman jangka pendek terutama sayur-sayuran.

"Saya berharap kejayaan yang dicapai Komuniti Perumahan Awam Perlis 2, Kampung Datuk Keramat ini akan menjadi pendorong kepada komuniti lain untuk menceburi perusahaan tanaman sayuran secara kecil-kecilan ...bukan sahaja untuk kegunaan sendiri tapi juga untuk dijual di pasar," katanya.

Kiandee berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau projek pertanian bandar di Perumahan Awam Seri Perlis 2 di sini semala-

mi. Beliau turut menyampaikan bantuan RM50,000 di bawah PENJANA serta sumbangan sarang kelulut daripada Jabatan Pertanian bagi komuniti itu.

Melalui PENJANA, kerajaan menawarkan pakej sumbangan barang dalam bentuk bantuan input pertanian seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada individu dengan nilai RM500 (maksimum) dan RM50,000 (maksimum) bagi setiap komuniti.

Sejak 2014 sehingga kini, seramai 124,988 orang termasuk dari sekolah, institusi, individu dan komuniti di 5,065 lokasi seluruh negara

telah terlibat dalam program pertanian bandar..

Seorang daripada peserta program itu, Hamidah Ibrahim, 69, yang mengusahakan tananam bayam brazil dan pegaga berkata, pada mulanya dia menge luarkan modal sendiri dan terpaksa berdepan dengan risiko penyakit menyebabkan ada tanaman yang tidak menjadi. "Namun selepas mendapat bimbingan daripada Jabatan Pertanian, hasil tanaman telah menampakkan kejayaan dan telah dapat digunakan komuniti serta juga dijual di pasar sekali gus dapat menjimatkan perbelanjaan barang dapur," katanya.— Bernama

Headline	Penjana: MOA expects more participation in urban farming		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	17 Jun 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	13	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	236 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,218
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,655



Penjana: MOA expects more participation in urban farming

KUALA LUMPUR: The RM10 million allocation under the National Economic Recovery Plan (Penjana) is expected to benefit 800 communities and 12,000 individuals who are newcomers to urban farming. Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said.

He said the 840 group particularly those living in the People's Housing Projects (PPR) are encouraged to form community garden groups where they could get together to grow fast growing vegetables.

"I hope the success of the Seri Perlis 2 Public Housing community in Kampung Datuk Keramat here will motivate other communities to venture into small-scale vegetable farming, not only for their own consumption but for sale as well."

The ministry will cooperate with the local authorities and relevant parties to get more people to take part in urban farming," he told reporters after a walkabout programme at the Seri Perlis 2 Public Housing project here yesterday.

At the event, Kiandee also



Ronald (centre) during a walkabout programme at the Seri Perlis 2 Public Housing project. — Bernama photo

handed over RM50,000 assistance under Penjana and contribution of stingless bee hives to the community from the Agriculture Department. Through Penjana, the government is offering in-kind contribution packages in the form of agricultural inputs such as seeds, fertilisers, equipment,

advisory service and training worth up to RM500 per individual and RM50,000 for every community.

Since 2014, some 125,000 people including those from schools, institutions, individuals and communities in 5,065 locations nationwide have participated in

urban farming programmes.

A Brazilian spinach and pennywort or pegaga farmer, Hamidah Ibrahim, 69, said initially she had to use her own money to start her farming activities and encountered losses when her crops were attacked by diseases. — Bernama

NEIGHBOURHOOD COMMITTEE

COMMUNITY FARM THRIVING

Flat dwellers plan to explore vertical garden, madu kelulut with funds under Penjana

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

WHAT started as a cost-saving measure for Norhasyimah Daud, 46, turned into a full-scale farming project for her family and the neighbourhood.

Today, the mother of four and other residents at the Seri Perlis 2 Public Housing in Keramat run their own farm at the mini flats compound, with more than 80 types of herb plants and vegetables for their daily consumption.

"My family and I love eating *ulam* (herbs). The problem is that in markets, they are normally sold in huge quantities, which would normally lead to waste. So, I decided to grow them using the roots of the herbs I bought."

"It slowly grew into a community effort in 2014 and today, we have some 50 active members under our neighbourhood farm committee who are in charge of different plots in the common areas around the flats."



Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (right) harvesting an eggplant at the community farm at Seri Perlis 2 Public Housing in Keramat, Kuala Lumpur, yesterday. PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN



"We sell the produce to the residents and the committee earns up to RM600 per month.

Among the favourites are Brazil spinach and *sawi*," said Norhasyimah, who is the committee deputy chairman, as she showed off some of the plants at the flats.

She said apart from producing supplies for consumption, the project had brought the community together as many residents, including children, were exposed to simple farming activities like watering and harvesting the vegetables.

"Our farm is a community project under the Agriculture De-

partment and Rukun Tetangga (under the National Unity and Integration Department). For public housing projects, we are required to get approval from the local government to use the communal areas. Kuala Lumpur City Hall and the departments have been supportive of our efforts."

The committee yesterday received a RM50,000 aid from the government under the Economic Recovery Plan (Penjana), which Norhasyimah said would be used to explore the potential of setting up a *madu kelulut* (stingless honey bee) farm in a vertical garden.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, who visited the

community farm yesterday, presented the aid, along with stingless bee colonies, to the committee.

Kiandee said for individuals, RM500 cash aid was allocated under the urban farming programme.

"Some RM10 million is allocated by the government under this initiative to help ease the burden of the people in the urban and outskirt areas, by growing their own vegetables for consumption. Participants receive guidance from the Agriculture Department to set up and maintain their farm," he said, adding that some 800 communities and 12,000 people were set to benefit from the allocation.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2020	NST	ONLINE	

Cabinet Committee on food security to meet next month



Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (three from left) said the Cabinet Committee on food security will hold its first meeting next month. -NSTP/EIZARI SHAMSUDIN

KUALA LUMPUR: The Cabinet Committee on food security will hold its first meeting next month, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the committee will discuss issues of food supply affordability and accessibility in formulating the National Food Security Policy.

The Cabinet Committee comprises 11 ministers headed by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, while the technical-level committee is led by the Agriculture and Agro-based Industry Ministry secretary-general.

"We are currently still at the stage of forming the committee involving various ministries.

"For my office, it will involve the establishment of an advisory committee for the ministry, which will start meeting this month. The Cabinet Committee will hold its first meeting in July."

Speaking to reporters after visiting Seri Perlis 2 Public Housing here today, Kiandee said many aspects would be scrutinised by the committees, with focus given to strengthening national food security.

He said agriculture and agro-based industry stakeholders are also engaged in the establishment of the committees.

It was reported that the government will make the agro-food sub-sector a priority in order to improve Malaysia's food security and generate higher incomes for agriculture frontliners.

The focus will include strengthening the food supply chain; improving support and delivery services, technological knowledge and skills; as well as promoting greater compliance with standards and good agricultural practices during and post Covid-19.

Kiandee was reported as saying that the government will also continue to foster modernisation in the agro-food sub-sector by leveraging on Industrial Revolution 4.0.

The global pandemic saw several countries impose temporary bans on the export of their agriculture produce, raising concerns on supply for the domestic market which is highly-reliant on food imports.

Ourfarm hapus orang tengah

Hubungkan petani dengan pelanggan secara dalam talian

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

AirAsia yakini platform e-dagang perniagaan ke perniagaan (B2B) baharunya, Ourfarm mampu memacu peningkatan pendaftaran petani, peniernak, neelayan, pekebun dan peladang dari seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tari Sri Tony Fernandes berkata, kehadirannya membantu meningkatkan margin keuntungan pertanian, menghapuskan orang tengah dan menyediakan sistem pengurusan rantai bekalan lebih cekap, sekali gus menyokong agenda keselamatan makanan negara.

"Platform ini boleh membantu perniagaan kecil mengurangkan kos perolehan hasil

FOTO: ROSNAUB



Tony Fernandes (kiri), Kamarudin (dua dari kiri) dan Ronald melihat hasil pertanian Ourfarm di Serdang, Selangor kelmarin.

sendiri pada awal tahun 2021.

Menurutnya, komponen terpenting kepada kejayaan platform itu terletak kepada teknologi, data serta logistik.

"Ourfarm bersedia dengan 7,000 lori di seluruh Malaysia yang boleh digerakkan dalam masa 60 minit untuk mengambil dan menghantar produk kepada pembeli, sekali gus mengawalkos petani.

"Teknologi dan platform Ourfarm mampu meningkatkan pendapatan petani seperti di Jepun dan China," katanya. Katanya, pihaknya merancang mengembangkan Ourfarm ke seluruh negara dalam masa terdekat, termasuk potensi untuk membangunkan kemampuan eksport dan import serta pengembangan kerintau ini dalam jangka panjang.

Sementara itu, Ronald berkata, kerjasama strategik antara MOA dan Ourfarm ini akan mewujudkan ekosistem baharu yang dapat membantu perniagaan pertanian berkembang dengan lebih luas, sambil memberi pengguna nilai yang lebih baik untuk mereka.

segar sehingga 25 peratus. "Selain itu, ia juga bakal merevolusikan rantai perniagaan berdasarkan pertanian dengan menghubungkan petani terus kepada pelanggan," katanya pada majlis pelancaran platform berkenaan di Serdang, Selangor kelmarin.

Program dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Hadir sama, Pengerusi Eksekutif Kumpulan AirAsia

Datuk Kamarudin Meranun, Ketua Pegawai Eksekutif Ourfarm, Lalitha Sivanaser dan Pengasas Bersama Ourfarm, Radzi Tajuddin dan Nadhir Ashiq.

Ourfarm dibangunkan dengan kerjasama strategik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA).

Ia menyokong lebih 1,000 petani kontrak kerajaan serta pemilik ladang swasta.

Tony berkata, Ourfarm menyarkan memiliki guidang

'Ensure Perlis Harumanis industry stays vibrant'

KANGAR: All parties have been urged to continue working together to ensure the agriculture sector in Perlis, particularly the Harumanis mango industry, remains competitive, said Raja Muda of Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. "It is also a reminder to all entrepreneurs to prepare early for the next season, especially in combating prevalent fraud and theft incidents due to the increase in the price of Harumanis in recent years." He said some unscrupulous individuals were selling low-quality fruits for a premium price and selling other mango varieties from elsewhere but claimed that the fruits were from Perlis. "If these are not immediately addressed, it will undermine the Perlis Harumanis industry," he said yesterday. **Bernama**

Sitiwah: Kes kematian ikan ter-nakan dalam sangkar berpunca ledakan alga (*Cochlidinium sp.*) di Selat Melaka terus berulang apabila ia menular ke perairan Bagan Panchor, Pantai Remis dekat Man-jung berikutan pergerakan arus laut.

Jabatan Perikanan Perak meng-esan berlaku kes terbaru kematian ikan sangkar dipercayaui disebab-kan spesies plankton itu di Kuala Gula dekat Kuala Kurau di sini, kelmarin. Pengarah Jabatan Perikanan Pe-

Alga ‘serang’ perairan Pantai Remis

Sungai Tiram, Lekir di sini, se-malam. Susulan itu, penternak disaran-

kan memasang sistem pengudaraan bertujuan untuk meningkat-kan kadar oksigen dalam sangkar ikan.

"Ini berikutan ledakan alga membabitkan persaingan oksigen yang akan menyebabkan ikan da-lam sangkar akan mati

Kampung

Ledakan alga fenomena biasa yang berlaku di seluruh dunia

sihatkan supaya mengurangkan kadar kapadatan ikan dalam senap petak sangkar dan terus menjual ikan yang sudah boleh dijual," ka-tanya.

Menurutnya, ledakan alga adalaha fenomena biasa yang berlaku di seluruh dunia, bagaimanapun pihaknya akan terus memantau pergerakan spesies berkenaan.

Sehingga ini media melaporkan,

kejadian ikan mati dan terapung yang didakwa berlaku di perairan Perak dan Pulau Pinang menerusi beberapa video tular.

rak, Zaki Molki berkata, arus laut dari Kuala Kurau bergerak ke se-lat hingga ke perairan Bagan Panchor sebelum bergerak semula ke utara serta menyebab-kan berlaku kematian ikan sangkar di Kuala Gula pulah.

"Bagaimana-pun, tiada seba-rang kematian ikan yang dila-

Terus tingkat ekonomi peladang

Peruntukan Dana Khas Pertubuhan Peladang RM39.567 juta akan disalur kepada LPP negeri

RAUB

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan terus memainkan peranan bagi membantu meningkatkan ekonomi masyarakat peladang sepanjang dan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharaan (PKPP).

Ketua Pengaruhnya, Azulita Salim berkata, demi membantu masyarakat peladang, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin bagi memperkasa industri pertanian dan makanan.

Menurutnya, setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) akan menerima peruntukan sehingga maksimum sebanyak RM200,000 bagi setiap permohonan untuk memberi faedah kepada ahli Pertubuhan Peladang.

"Skop projek yang telah diluluskan merangkumi projek-projek tanaman ternakan dan ternak air di seluruh Malaysia.

"Peruntukan Dana Khas Pertubuhan Peladang berjumlah

RM39.567 juta akan dibenarkan kepada LPP negeri dalam masa terdekat untuk disalurkan kepada Pertubuhan Peladang seluruh Malaysia," katanya kepada pemberita pada Program Walk-About Ketua Pengaruh LPP bersama rakan media di ladang durian-usahawan peladang, Zamri Othman di Kampung Pamah Rawas, Ulu Dong di sini semalam.

Azulita berkata, sumber bantuan tersebut akan ditambah melalui Dana Agromakanan yang juga diumumkan oleh Muhyiddin dan akan disalurkan secara berperingkat demi-kelangsungan pergerakan Pertubuhan Peladang dan ahli.

Sementara itu, beliau berkata, melalui Paket Rangsangan Ekonomi 1 berjumlah RM2 juta, sebanyak 19 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Jentera dapat menaik taraf dan menambah hayat mekanisasi ladang sedia ada iaitu sebanyak 21 unit traktor dan 23 unit jentui bagi memastikan keperluan jentera adalah mencukupi.

Menurutnya, melalui perutusan tersebut, jangka hayat traktor dan jentui boleh ditambah kepada tiga hingga lima tahun pengoperasian.

Mengulas lanjut, katanya, melalui Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin (Program Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan) berjumlah RM10 juta, sebanyak 53 Pertubuhan Peladang di seluruh negeri di bawah pengendalian LPP akan dinaik taraf dengan kelengkapan pe-

masaran yang bertujuan dapat meningkatkan kapasiti jualan bagi memenuhi pengeluaran hasil yang dikeluarkan oleh ahli peladang

Moratorium

Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumum oleh Perdana Menteri pada 18 Mac yang lalu, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah memberikan pelbagai bantuan bagi membantu dan meningkatkan ekonomi ahli peladang.

Azulita berkata, bantuan yang diberikan termasuk pemberian moratorium kepada penerima pinjaman.

"LPP tidak terkecuali memberikan moratorium kepada usahawan peladang yang meminjam di bawah Tabung Pembangunan Usaha Niaga Peladang.

"Buat masa ini, semua usahawan peladang yang memohon moratorium telah ditangguhkan tempoh bayaran bantuan sehingga September 2020," katanya.

Beliau berkata, kesan daripada penularan koronavirus (Covid-19) dan wujudnya normal baharu, LPP perlu melihat kaedah yang terbaik untuk memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

"Kesan dan pengajaran yang kita pelajari daripada Covid-19 adalah kita ambil 'kesempatan' bagi memastikan perkhidmatan yang efisien supaya kita dapat memasarkan barang dengan lebih baik," kata beliau.



Zamri memberi penerangan kepada Azulita mengenai Zamri Agro Farm yang diusahakan di Kampung Pamah Rawas, Ulu Dong dekat Raub semalam.

Miliki 13 nurseri anak benih

RAUB - Bantuan pinjaman Tabung Pembangunan Usaha Niaga Peladang yang diberikan kepada pemilik Zamri Agro Farm, Zamri Othman, 45, dua tahun lalu membolehkan pengusaha durian itu mengembangkan perniagaan nurseri anak benih durian musang king bukan sahaja di Raub, malah di seluruh Malaysia.

Bantuan pembentangan sebanyak RM80,000 yang disediakan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) membuka ruang kepada pengusaha ladang durian berkenaan meluaskan sektor pertanian yang diceburi.

Zamri kini memiliki sebanyak 13 nurseri anak benih musang king termasuk di Sabah dan Sarawak.

Beliau yang mengusahakan lebih 400 pokok durian termasuk musang king, duri hitam dan jenis-jenis lain berkata, LPP dan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) banyak membantunya mengembangkan industri pertanian yang diceburi.

"Saya berterima kasih kepada LPP dan Jabatan Pertanian yang banyak membantu," katanya kepada

Sinar Harian pada Program Walk-About Ketua Pengaruh LPP bersama rakan media di ladang durianinya di Kampung Pamah Rawas, Ulu Dong di sini semalam.

Zamri yang turut mengusahakan tanaman pisang dan ternakan ikan kelah berkata, ladangnya memperoleh pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dari segi kualiti dan rasa.

"Dengan adanya MyGAP, ia bermakna segala hasil boleh dimakan segala hasil boleh dimakan tanpa waswas. Penting untuk juga kualiti buah bagi mendapatkan hasil lumayan."

"Kini saya lebih tumpukan kepada penghasilan benih, memberi tunjuk ajar teknik membaja dan sistem pengairan yang betul kepada sesiapa yang membeli benih," katanya sambil menambah, tanaman durian tidak susah diusahakan jika dilakukan dengan teknik yang betul.



Zamri yang mengusahakan tanaman durianmusang king sejak tujuh tahun lalu kini memiliki 13 buah nurseri anak benih musang king di seluruh Malaysia.



Azulita (dua dari kanan) menanam pokok durian musang king sempena Program Walk-About Ketua Pengaruh LPP bersama rakan media di Kampung Pamah Rawas, Ulu Dong dekat Raub semalam.

AYAM organik
dituk Mohd
Firdaus kini
berjumlalh
1,200 ekor.



Jual kambing buat modal ayam organik

Tumpat: Puas mencari kerja namun tidak berjaya menyebabkan seorang pemuda dari Kampung Delima di sini, mencuba nasib mengusahakan perternakan ayam kampung atau organik.

Mula mencebur bidang itu sejak enam bulan lalu, ayam kampung yang diternak Mohd Firdaus Hashim, 25, kini berjumlah 1,200 ekor.

Mohd Firdaus berkata, selain minat, faktor sukar mencari kerja juga mendorong dia terbabit dalam bidang perternakan selepas melihat potensi cerah dalam sektor itu.

"Bermacam kerja saya pernah antaranya jurujual pasar raya dan penghantar surat, tapi satu pun tidak berjaya. Ketika itu saya juga sudah memelihara kambing sebanyak sembilan ekor di rumah.

"Saya terfikir mengenai peluang perternakan ayam organik yang dilihat mempunyai potensi besar. Saya nakad menjual semua kambing peliharaan untuk mendapatkan modal permulaan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Delima di sini, semalam.

Anak sulung daripada lima beradik itu berkata untuk modal permulaan, dia memperuntukkan kira-kira RM30,000 membabitkan pembelian anak ayam dan pembinaan reban termasuk kos makanan.

Katanya lagi, dia memperoleh bantuan geran dari Program Agropreneur Muda sebanyak RM20,000 dan sebahinya adalah hasil jualan

kambing dan sedikit tambahan tabungan sendiri.

Da yang memperoleh baka kacukan ayam organik itu dari Perak turut dibantu banya, Hashim Sulaiman, 56, yang mempunyai kemahiran dalam bidang penteranagan.

"Dari segi jualan memang tiada masalah kerana pembekal akan datang terus ke rumah untuk mengambil ayam yang sudah cukup umur. Saya menjualnya dengan harga RM7.50 seekor.

"Saya juga adalah peserta di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) dan sentiasa mendapat bimbingan dari agensi itu untuk setiap perjalanan dalam bidang ini," katanya.

Bermacam kerja saya pernah antaranya jurujual pasar raya dan penghantar surat, tapi satu pun tidak berjaya. Ketika itu saya juga sudah memelihara kambing sebanyak sembilan ekor di rumah.

"Saya terfikir mengenai peluang perternakan ayam organik yang dilihat mempunyai potensi besar. Saya nakad menjual semua kambing peliharaan untuk mendapatkan modal permulaan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Delima di sini, semalam.

Anak sulung daripada lima beradik itu berkata untuk modal permulaan, dia memperuntukkan kira-kira RM30,000 membabitkan pembelian anak ayam dan pembinaan reban termasuk kos makanan.

Katanya lagi, dia memperoleh bantuan geran dari Program Agropreneur Muda sebanyak RM20,000 dan sebahinya adalah hasil jualan

Saya nakad jual semua kambing untuk dapatkan modal

Mohd Firdaus



Oleh Syaherah Mustafa
cnews@NSTP.com.my

Tanah Merah

Sikap berani mencuba akhirnya memberi pulangan lumayan kepada seorang pemuda apabila dia kini memiliki 1,000 ekor itik yang menghasilkan 600 biji telur sehari.

Penternak di Kampung Lalang Pepuyu di sini, Asran Alias, 38, yang mula berjinak dengan dunia penteranagan januari lalu tidak menyangka usaha awalnya menterak 63 ekor itik akhirnya memberi pendapatan bersan ribu ringgit sebulan.

Bapa enam cahaya mata itu berkata, telur itik yang dihasilkan itu diproses menjadi telur jeruk (masin) sebelum dijual selain turut diproses menjadi sos telur masin serta kuah bahulu.

Menurutnya, produk dihasilkan itu kemudian dipasarkan di negeri ini hingga galah ke Kuala Lumpur.

"Bermula jam 8 pagi setiap hari, saya akan ke ladang untuk mengutip telur sebelum dijual kepada pemborong secara segar atau jeruk.

Malah, saya turut membuka 'meja' di depan rumah yang juga lahan utama dari Rantau panjang ke Panglima Bayu di sini, untuk menjual sendiri

ANRAN bersama bekarianya memerlukan teknik tersendiri.

Si gembο bawa tuah

Pemuda berani mencuba peroleh pulangan lumayan hasil ternakan 1,000 itik telur

telur itik.

"Saya membina reban itik seluas 372 meter persegi dengan mengutamakan aspek kebersihan.

"Dengan bantuan dua pekerja, semua ternakan itu dipastikan mendapat makanan, minuman, dan vitamin supaya dapat menghasilkan telur berkualiti," katanya.

Menurutnya, dia fokus kepada penghasilan telur masin kerana ia produk makanan yang mampu bertahan lama. Proses menghasilkannya juga memerlukan kesabaran tinggi kerana perlu dijemur selama dua hari selepas dibersihkan dan direndam air garam bagi tempoh dua minggu.

Asran berkata, telur itik segar dijual pada harga 60 sen sehingga 80 sen sebiji bergantung kepada saiz, manakala telur masin bermula RM4 sehingga RM14 sebekas.

Katanya, sebelum memulakan projek penteranagan itu, dia terlebih dahulu mendalami ilmu penjagaan itik serta 'menuntut' dengan seorang pakar di Selangor.

"Menjadi penternak itik,



600
Jumlah telur yang dihasilkan itik milik Asran dalam sehari

memerlukan saya untuk lebih kreatif dan berinovasi, justeru saya mengambil inisiatif menghasilkan sendiri makanan sihat untuk ternakan iaitu campuran dedak dengan batang pisang, ke-

ladi bunting, kangkung, rumpai laut dan nanas.

"Saya mahu mencapai satu persatu kejayaan dalam bidang penteranagan dan Insya-Allah, jika ada rezeki selepas ini saya mahu menjadi anak tempatan pertama mengusahakan sos telur masin yang boleh dipasarkan sehingga ke luar negara," katanya yang turut mendapat sokongan daripada isteri tercinta, Nor Ashikin Ma-hamed, 34, katanya.

AirAsia cadang tambah lebih banyak penerbangan

Kuala Lumpur: AirAsia Group Bhd yang kini beroperasi pada kapasiti penuh bercadang menambah lebih banyak penerbangannya pada Julai ini sejajar peningkatan permintaan untuk perjalanan udara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Tony Fernandes berkata, permintaan untuk perjalanan udara meningkat berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan

Pemuliharan (PKPP) yang membenarkan perjalanan rentas negeri.

“Penambahan penerbangan dibuat berdasarkan permintaan sejajar pelonggaran kawalan pergerakan bagi membendung penularan Covid-19 di negara ini.

“Kami ikut garis panduan kerajaan. Kami beroperasi pada kapasiti penuh dan menambah penerbangan apabila ada permintaan un-

tuk itu,” katanya ketika mengulas mengenai operasinya susulan pelaksanaan PKPP.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena pelancaran e-dagang perniagaan-ke-perniagaan (B2B), Ourfarm di Serdang, kelmarin.

Pelancaran platform e-dagang itu disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Hadir sama, Pengurus Eksekutif Kumpulan AirAsia, Datuk Kamarudin Meranun.

Pada Mac lalu, Kumpulan AirAsia melaksanakan penggantungan sementara untuk hampir semua penerbangan dalam rangkaianya berikutan sekatan perjalanan oleh beberapa negara akibat pandemik Covid-19.

Langkah berkenaan diper-setujui syarikat penerbangan yang dikendalikan di bawah Kumpulan AirAsia dan Kumpulan AirAsia X.

Namun, bermula 29 April lalu, ia menyambung semula penerbangan domestik terpilih berdasarkan kelulusan kerajaan negara ia beroperasi.

“**Kami beroperasi pada kapasiti penuh dan menambah penerbangan apabila ada permintaan untuk itu**

Tony Fernandes

